

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD [BUKIT GANTANG]**
TARIKH : **9.6.2014**
SOALAN :

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah kos yang ditanggung oleh Kementerian dan telah dibayar kepada Syarikat YTL untuk projek Internet sekolah di seluruh negara, dalam masa yang sama kepantasannya masih perlahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan agar kemudahan ICT terbaik disediakan dan diberi untuk tujuan pendidikan di sekolah. Pada masa ini, KPM telah menyediakan perkhidmatan 1BestariNet yang menyediakan akses internet melalui rangkaian 4G dan persekitaran maya kepada ke semua sekolah supaya semua murid akan mendapat ruang dan peluang untuk menikmati pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik, bersifat interaktif serta tidak lagi dibatasi dinding dan ruang bilik darjah.

Sehingga 24 April 2014, bagi skop infrastruktur 1BestariNet, sebanyak 8,774 buah sekolah (daripada 10,113 buah) seluruh negara telah dipasang dengan *Customer Premise Equipment* (CPE) yang membolehkan sekolah-sekolah tersebut dirangkaikan dan mendapat perkhidmatan 1Bestarinet. Di samping itu, pembekalan sebanyak 40,000 zoom kepada sekolah di dalam rangkaian 1Bestarinet ini juga dilaksanakan untuk mengoptimumkan rangkaian LAN (*Local Are Network*) sekolah agar murid-murid dan

guru-guru dapat mengakses bahan digital pengajaran dan pembelajaran serta memudahkan pengurusan pentadbiran yang dibuat atas talian melalui perkhidmatan 1Bestarinet.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses perolehan kontrak Perkhidmatan 1Bestarinet adalah dibuat secara tender terbuka dan semua pihak yang berkeelayakan telah menyertai tender berkenaan. Kontrak perkhidmatan 1Bestarinet ini telah diberikan kepada Syarikat YTLC untuk tempoh 2 tahun 6 bulan dengan menggunakan peruntukan sedia ada yang diluluskan. Pihak kerajaan juga akan membuat penilaian keberkesanan, pencapaian dan prestasi pihak syarikat dalam tempoh tersebut.

Rjm02